

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KENYATAAN SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA: **29/JMM/S/12/91 (2023/2024) - R**

TAJUK SEBUT HARGA: **SEBUT HARGA BAGI MENAIKTARAF KAWASAN DAN
RUANG PAMERAN LOBI, KAUNTER, PINTU DAN
MENAMBAH NILAI KABINET *SHOWCASE* BAGI GALERI
3 DI MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM –
DESIGN AND BUILD**

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

1. Sebut Harga dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai 'Sijil Pendaftaran' yang sah yang berdaftar dengan Registrar of Companies of Brunei Darussalam dengan **Kelas I, II, III & IV dan Kategori Kerja B01 (Building Works) & KA01 (Civil Works)**. Sub-kontraktor / kontraktor utama mempunyai **Kategori Kerja E01 (Electrical Works)**.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja iaitu dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang kecuali Hari Sabtu sehingga jam 10.00 pagi sahaja.
4. **Yuran Sebut Harga** bagi setiap borang adalah **B\$5.00 (Ringgit: Lima Ringgit Sahaja)** dan pembayaran hendaklah dibuat secara *online* dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (bona-fide tender).
5. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada:

**PENGURUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA,
JABATAN MUZIUM-MUZIUM, JALAN DEWAN MAJLIS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Sebarang pertanyaan pihak penender hendaklah menghubungi *Officer In-charge (OIC)* melalui nombor telefon **+6738829242**.

7. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Adalah dinasihatkan bagi setiap syarikat / pemberong yang ingin mengambil bahagian dalam sebut harga ini untuk melawat tapak di mana kerja di atas akan dijalankan dan hendaklah meneliti dengan teliti Terma dan Syarat Kontrak, Lukisan, Spesifikasi dan semua jadual lain yang disertakan dan lain-lain.

Syarikat / Pemberong untuk menghadiri Taklimat Tapak Sebut Harga yang dijadualkan pada **26 September 2023 (Selasa) jam 9.00 pagi** di mana kehadiran akan diambil.

9. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam **PETI SEBUT HARGA, TINGKAT 2, BANGUNAN ARKIB NEGARA, JALAN DEWAN MAJLIS TIDAK LEWAT HARI KHAMIS, 05 OKTOBER 2023, JAM 2.00 PETANG.**
10. Sebelum dokumen sebut harga dikeluarkan, setiap syarikat / pemberong adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran yang dinyatakan dan dikehendaki membayar yuran Sebutharga dengan kadar yang telah ditetapkan.
11. Sebut Harga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga yang disediakan. Borang Sebut Harga dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar sebut harga yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.
12. Setiap borang Sebut Harga yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran syarikat dan salinan resit pembayaran yuran sebut harga (seperti kenyataan Para 4).
13. Penender dimestikan untuk menurunkan tandatangan '*initial*' pada setiap mukasurat dimana maklumat telahpun diisikan oleh penender.
14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
15. Syarikat yang menolak atau membatalkan sebut harga atau kontrak setelah kebenaran sebut harga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).